



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah terbuka kepada syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia beralamat di WP Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor. Tempoh sah laku sebut harga ialah **90 hari** mulai tarikh tutup sebut harga.

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	KOD BIDANG PENDAFTARAN
KWP(SH)16/2017/BPM	PERKHIDMATAN SISTEM <i>BACKUP</i> PUSAT DATA KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN (KWP) SECARA SEWAAN BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN	210102/210103

2. Syarikat-syarikat yang ingin menyertai sebut harga ini mestilah **ePerolehan *enabled***. Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi/dimuat turun mulai **10 OGOS 2017 (KHAMIS)** secara percuma melalui laman web www.eperolehan.com.my.
3. **Tawaran Teknikal dan Tawaran Kewangan** yang lengkap bersama dokumen sokongan hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam Sistem ePerolehan **SEBELUM ATAU PADA 17 OGOS 2017 (KHAMIS) JAM 12.00 TENGAH HARI** iaitu pada tarikh tutup Sebut Harga.
4. **Tawaran Teknikal dan Tawaran Kewangan** dikemukakan di dalam sampul surat yang berlakri/bermetri dengan nombor sebut harga dan nombor cadangan ePerolehan (Y015102020017XXXX) ditulis di penjurus atas kiri. Sampul ini hendaklah **dihantar secara manual** dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga **SEBELUM ATAU PADA 17 OGOS 2017 (KHAMIS) JAM 12.00** iaitu tarikh tutup sebut harga di alamat berikut:-

KETUA SETIAUSAHA,
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
ARAS 3, BLOK 2
MENARA SERI WILAYAH
PRESINT 2
62100 PUTRAJAYA
(U.P.: BAHAGIAN KEWANGAN)

5. Tawaran sebut harga yang **LEWAT DIKEMUKAKAN** melalui Sistem ePerolehan serta secara Manual tidak akan dipertimbangkan.
6. Sila patuhi syarat-syarat sebut harga khususnya dalam melengkapkan maklumat serta pematuhan dalam mengemukakan dokumen sokongan yang ditetapkan

Kenyataan ini juga terdapat di laman web kementerian wilayah persekutuan: <http://www.kwp.gov.my> DAN www.eperolehan.com.my

Fi Perkhidmatan sebanyak 0.8% bagi setiap transaksi yang dijana melalui sistem ePerolehan akan dikenakan kepada pembekal-pembekal/syarikat yang dilantik, tertakluk kepada had maksimum RM9,600.00 bagi setiap transaksi yang melebihi RM1.2 juta atau sebanyak 0.4% bagi setiap nilai pesanan kerajaan tertakluk kepada had maksimum RM 4,800.00 bagi pesanan Kerajaan melebihi RM 1.2 juta. Fi yang dikenakan ini adalah seperti yang termaktub dalam Terma dan Syarat bagi Pendaftaran Pembekal di bawah sistem ePerolehan.